

# KUIM ditawarkan beli Stadium Tertutup Nilai

**S**EREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan membuat tawaran kepada Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) untuk membeli Stadium Tertutup Nilai yang dibina khas bagi temasya Sukan Malaysia (Sukma) X pada 2004, tetapi kini amat jarang digunakan.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata tawaran itu disambut baik oleh KUIM kerana stadium berkenaan terletak berhampiran kampus tetapnya dan tidak jauh dari pusat bandar Nilai.

Beliau yang tidak mendedahkan harga tawaran pembelian pusat sukan itu, berkata kerajaan negeri menawarkan kadar berpatutan sekadar harga kos pembinaan dan nilai tanah.

"KUIM memberi maklum balas positif terhadap tawaran ini," katanya dan menambah kos pembinaan stadium berkenaan adalah sebanyak RM58 juta.

Mohamad berkata demikian selepas lawatan rasmi Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Ja'afar Tuanku Abdul Rahman dan Tuanku Ampuan, Tuanku Najihah Tunku Besar Burhanuddin ke kampus KUIM di Nilai, dekat sini, baru-baru ini.

Pada lawatan kira-kira dua jam itu, Tuanku Ja'afar dan Tuanku Najihah yang juga Canselor KUIM diberikan taklimat mengenai perkembangan universiti berkenaan oleh Rektornya, Prof Datuk Dr Abdul Shukor Husin.

Hadir sama, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed; Pengerusi Lembaga Pengarah KUIM, Tan Sri Dr Yusof Noor dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Abdullah Sani Abd Hamid.

Menteri Besar berkata, kerajaan negeri berpendapat penjualan stadium itu adalah langkah tepat daripada mengelakkan kemudahan itu yang disifatkannya kini sebagai 'gajah kelabu' daripada terus terbiar.

"Selepas Sukma, stadium ini amat jarang digunakan... mungkin statusnya kini belum sampai menjadi 'gajah putih', tetapi setakat 'gajah coklat' atau 'gajah kelabu,'" katanya.

Sementara itu, beliau berkata, projek pembinaan kampus tetap KUIM yang sebelum ini menghadapi beberapa masalah, kini berjalan lancar dan menempatkan semua fakulti kecuali Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK).

Kampus itu menempatkan Fakulti Syariah dan Undang-Undang; Pengajian Quran dan Sunnah; Kepemimpinan dan Pengurusan Islam; Ekonomi dan Muamalat; Sains dan Teknologi serta Pengajian Bahasa Utama, manakala FPSK di Kampus Kota, Pandan Indah.

Pada Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), kerajaan memperuntukkan tambahan peruntukan RM387 juta bagi menyiapkan pembinaan fasa pertama kampus itu yang apabila siap sepenuhnya mampu menampung kira-kira 15,000 pelajar pada satu-satu masa.

Oleh Ahmad Naim Tahir

**“**Selepas Sukma, stadium ini amat jarang digunakan... mungkin statusnya kini belum sampai menjadi 'gajah putih', tetapi setakat 'gajah coklat' atau 'gajah kelabu'”

**Shahrul Azman Mohd Sani**  
Yang Dipertua Bakans